



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# **BERITA**

24 JAM

# **KPDN**

## **KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE**

*Untuk makluman:*

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP)  |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 20 April 2026**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



ANTARA barangan yang dirampas susulan operasi itu.

## Dua ditahan, lebih 200 liter petrol dirampas di S'porna

### Azmie Lim

SEMPORNA: Dua individu ditahan manakala sebanyak 257 liter petrol dan lima tong gas LPG dirampas dalam Ops Tiris 4.0 di perairan utara Mataking, di sini, pada Sabtu.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Semporna dalam kenyataan berkata tangkapan dan rampasan itu dilakukan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion ke-22 Kunak.

Kes berkenaan kemudiannya diserahkan kepada KPDN Semporna untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Menurut kementerian itu, susulan operasi terbabit pasukan turut merampas dua bot laju dan tiga enjin sangkut. Kesemua rampasan dianggarkan bernilai RM10,948.44.

KPDN dalam kenyataannya menegaskan bahawa pihak kementerian akan terus komited membanteras aktiviti penyelewengan melibatkan barangan kawalan dengan kerjasama agensi penguat kuasa lain.



## Petrol, LPG cylinders seized off Semporna

### Azmie Lim

SEMPORNA: Two individuals were detained and 257 litres of petrol and five LPG gas cylinders were seized following an Ops Tiris 4.0 off North Matak waters on Saturday.

The Semporna branch of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) in a statement said the arrests and seizures were made by the Kunak 22nd Battalion of General Operation Force (GOF).

The case was later handed over to the Semporna KPDN for further investigation under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961. The Ministry said, following the operation, the team also seized two speed boats and three outboard engines. All the seizures were estimated worth RM10,948.44.

KPDN in their statement stressed that the ministry will remain committed to combat misappropriation activities involving control items with cooperation from other enforcement agencies.

(吉隆坡19日讯) 商用液化石油气 (LPG) 价格翻倍涨?

根据《马来西亚前锋报》周刊》报道, 14公斤商用液化石油气每桶售价约84至104令吉, 而50公斤装的价格则根据供应商和地点有所不同, 每桶介于270至330令吉之间。此前, 商用液化石油气每桶零售价介于150至190令吉之间。

另外, 经政府补贴的家用液化石油气价格保持不变, 14公

## 商用液化石油氣 每桶飆至RM330

斤装零售价26令吉60仙、12公斤每桶22令吉80仙、10公斤每桶19令吉。

### 家用維持原價

对此, 国内贸易及生活成本

部副部长拿督傅芝雅受访时保证, 补贴液化石油气价格维持不变。

她也说, 政府只是监督而非控制商用液化石油气价格, 以确保不存在牟取暴利的行为。

“家用补贴液化石油气价格

没有任何变动, 至于商用液化石油气价格, 虽然没有政府控制, 但我们会监督价格走势。

“内贸部持续监督液化石油气供应链各个环节价格波动, 从进口商、批发商到零售商, 以确保不存在牟取暴利或过度牟利的行为。”

“执法工作依据2011年价格控制和反暴利法令进行, 该法令授权内贸部对任何无正当理由的抬价行为采取行动。”

## 傅芝雅保證 補貼LPG不會漲價

（吉隆坡19日讯）国内贸易及生活成本部副部长拿督傅芝雅保证，补贴液化石油气价格并不会涨价。

据《马来西亚前锋报星期日》报道，商用液化石油气（LPG）价格疑出现上涨，14公斤商用液化石油气

每桶售价约84至104令吉，而50公斤装的价格则依据供应商和地点有所不同，每桶介于270至330令吉之间。

### 内贸部监督价格波动

此前，商用液化石油气每桶零售价是介于150至190令吉之间。

与此同时，政府补贴的家用液化石油气价格则维持不变，14公斤装零售价26令吉60仙、12公斤每桶22令吉80仙、10公斤每桶19令吉。

傅芝雅指称，政府主要是监督而非控制商用液化石油气价格，以确保不存在牟取暴利的行为。

她强调，内贸部持续监督液化石油气供应链各个环节的价格波动，从进口商、批发商到零售商，以确保不存在牟取暴利或过度牟利的行为。

她补充，执法工作依据2011年价格控制和反暴利法令进行，该法令授权内贸部对任何无正当理由的抬价行为采取行动。（TKM）





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR** **AGENSI**



Yusnieza Syarmila (tengah) bersama Mohamad Zaidi (kanan) bergambar bersama peserta pada Sambutan Hari Harta Intelek Negara 2026 di Sekolah Sukan Bukit Jalil Kompleks Sukan Negara. (Foto ihsan MyIPO)

# MyIPO perkasa kesedaran harta intelek

**Fokus sekolah sukan sebagai platform galak inovasi dan lindungi idea generasi muda**

Oleh Hannah Norbaqqa Syarul  
bhpendidikan@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) berusaha mempergiat usaha meningkatkan kesedaran harta intelek (IP) dalam kalangan pelajar dengan memberi tumpuan kepada sekolah sukan sebagai platform mencungkil idea dan inovasi generasi muda.

Ketua Pengarah MyIPO, Yusnieza Syarmila Yusoff, berkata pemilihan sekolah sukan selari dengan tema tahun ini, 'IP & Sukan: Dari Idea ke Podium', yang menekankan peranan inovasi dalam dunia sukan.

Menurutnya, IP bukan hanya terhad kepada teknologi atau perniagaan, sebaliknya turut merangkumi inovasi dalam kehidupan harian termasuk peralatan dan keperluan sukan.

"Dalam bidang sukan, banyak inovasi dihasilkan, daripada kasut hingga peralatan yang membantu atlet mencapai prestasi optimum. Kesedaran ini penting untuk diterapkan kepada pelajar," katanya selepas Program IP Talk - Game On: Create. Protect. Own sempena Sambutan Hari Harta Intelek Negara (HHIN) 2026 di Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ), di sini.

Turut hadir, Timbalan Ketua

Pengarah (Komersial) MyIPO, Dr Kamarul Faizal Hashim; Timbalan Pengarah Sektor Perancangan dan Perhubungan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Mohamad Zaidi Ishak serta Pengetua SSBJ, Huszaidi Hussin.

## **Lahir generasi kreatif**

Program itu disertai lebih 100 pelajar dan akan diperluas ke lima lagi sekolah sukan di seluruh negara sebagai usaha melahirkan generasi kreatif dan celik harta intelek.

Yusnieza berkata, pelajar mempunyai potensi besar menghasilkan idea baharu, namun pemahaman terhadap perlindungan IP masih rendah.

"Selain menggalakkan pelajar mencipta, kita mahu mereka faham kepentingan melindungi idea melalui pendaftaran IP," katanya.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **UMUM**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



# Tekanan subsidi tenaga desak semakan sasaran fiskal negara

Kerajaan perlu susun semula strategi, perbelanjaan hadapi impak peperangan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Konflik geopolitik yang mencengkam rantau Asia Barat kini meletakkan Malaysia di persimpangan kritikal yang menguji keupayaan serta kebijaksanaan kerajaan dalam menguruskan kewangan negara. Kenaikan mendadak bil subsidi bahan api memaksa pentadbiran memerah keringat memikirkan formula terbaik bagi menyeimbangkan kedudukan fiskal perbelanjaan tanpa meletakkan beban melampau ke atas bahu rakyat jelata.

Kebijaksanaan ini amat ditagih tatkala negara berhadapan tekanan fiskal yang disifatkan amat kritikal akibat krisis bekalan tenaga global berpunca daripada perang Amerika Syarikat (AS) dan Iran. Bil subsidi kerajaan kini dilapor melonjak secara luar biasa daripada RM700 juta kepada sekitar RM7 bilion sebulan selepas krisis berkenaan tercetus.

Angka RM6 bilion daripadanya merujuk kepada subsidi BUDI95 sahaja dan masih belum merangkumi kos Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) serta peruntukan nelayan.

Ahli Ekonomi Kanan Center for Future Labour Market Studies, Dr Mohamad Khair Afham Muhammad Senan, menggariskan bahawa kerajaan mungkin masih mampu menampung beban kewangan berkenaan dalam senario jangka pendek.

Pendekatan ini secara realistik boleh dilaksanakan melalui saluran hasil petroleum negara, suntikan dividen daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta pelarasan semula perbelanjaan kerajaan.

"Namun, bagi tempoh sederhana hingga panjang, beban ini boleh menjejaskan sasaran pengurangan defisit fiskal serta mengecilkan ruang untuk pendidikan, kesihatan dan pembangunan," kata Mohamad Khair kepada BH.

Beliau mengakui bahawa subsidi berskala besar amat munasabah bagi melindungi rakyat dan sektor ekonomi, namun ia pasti bukan penyelesaian yang mampan jika rantai harga dunia kekal berlegar pada tahap tinggi.

**Kesukaran dapatkan bekalan**  
Hakikatnya, pasaran dunia kini dikaburi dengan mitos harga pada skrin kertas yang sama sekali tidak mencerminkan realiti sebenar kesukaran dan nilai mendapatkan bekalan fizikal.

"Realiti pasaran fizikal menampilkan satu tong petroleum kini terpaksa dibeli pada kadar premium AS\$140 hingga AS\$160, ditambah pula dengan kos perkapalan logistik maritim dari Oman ke Malaysia yang melon-

jak drastik daripada AS\$8 juta kepada AS\$29 juta.

"Malaysia amat terdedah kepada badai kenaikan kos ini memandangkan loji penapisan tempatan sangat bergantung kepada kestabilan rantau luar.

"Daripada sejumlah 676,000 tong input minyak mentah sehari yang disalurkan masuk ke dalam loji penapisan domestik, sebanyak 53 peratus adalah sumber mentah yang diimport.

"Kebergantungan kepada persekitaran antarabangsa ini tidak terhenti pada paras minyak mentah sahaja, malah melangkaui produk bahan api siap yang menggerakkan aktiviti harian jutaan rakyat tempatan," katanya.

Beliau berkata, bagi menampung selekta permintaan domestik negara yang mencecah 2.3 bilion


liter sebulan, kita terpaksa bersaing mengimport 35 peratus bekalan petrol dan 25 peratus bekalan diesel dari luar untuk mencukupkan.

Tuntutan pengurusan kewangan pintar oleh kerajaan ini bukan sekadar untuk menghidupkan enjin kenderaan, malah bersangkut paut rapat dengan keselamatan menjamin survival makanan di atas meja rakyat.

Pergolakan titik laluan di Selat Hormuz mengancam 35 peratus kapasiti eksport baja global, lantas meletakkan hasil penuaian jagung dan kacang soya dalam situasi bahaya yang bakal menjejaskan bekalan ayam serta telur domestik.

Pengorbanan kerajaan me-

## PERBEZAAN BESAR HARGA DIESEL SERANTAU MENGGALAKKAN PENYELUDUPAN



nyuntik dana untuk menyerap kejutan inflasi bagi melindungi rantau berkenaan bagaimanapun berdepan anasir ketirisan yang memerlukan tindakan penapisan subsidi.

Jurang melampau perbezaan harga diesel bersubsidi sektor logistik pada RM2.15 berbanding harga di wilayah Thailand sekitar RM8.25 seliter menggalakkan aktiviti sindiket penyeludupan berskala besar.

Ketirisan ini mengakibatkan pelaburan dana subsidi yang sepatutnya menampun kelangsungan hidup kumpulan sasar tempatan telah bocor kepada pasaran haram antarabangsa yang mengaut keuntungan berlipat ganda.

Menyedari kepincangan mekanisme ini, Mohamad Khair menegaskan bahawa langkah paling realistik ketika ini ialah menyusun semula jaring subsidi supaya peruntukan kewangan lebih telus kepada golongan memerlukan dan juga sektor strategik.

Sementara itu, Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia, Dr Mohd Afzalizam Abdul Rashid, turut melontarkan pandangan bersetuju berhubung keperluan merombak perancangan perbelanjaan belanjawan negara.

Beliau mendedahkan bahawa

andaian sasaran harga minyak mentah Brent dalam Belanjawan 2026 yang diukur pada paras AS\$70 satu tong adalah jauh meleset berbanding harga skrin semasa yang memanjat mencecah atas paras AS\$90 satu tong.

Kedua-dua perkara ini membuktikan betapa mendesaknya keperluan bagi pasukan kerajaan untuk melaksanakan semakan perbelanjaan segera supaya sasaran fiskal makro tidak runtuh ditelan zaman krisis.

"Justeru, semakan semula perlu dilaksanakan bagi memastikan sasaran seperti defisit fiskal berada dalam kerangka yang realistik," tegas beliau sambil menyarankan rangsangan fiskal bersasar kepada sektor yang benar-benar terkesan.

Sebagai langkah perisai pertahanan dalam mendepani pasaran fizikal antarabangsa yang mahal, kerajaan telah memanfaatkan entiti utama seperti PETRONAS bagi menyerap tamparan krisis bekalan.

Syarikat petroleum gergasi berkenaan kini menggalas beban menyusun atur kelangsungan pembekalan minyak di dalam negara tatkala syarikat minyak lain (OOC) keberatan kerana margin kos pasaran yang terlalu melambung.



Ketibaan kapal tangki Ocean Thunder, yang membawa satu juta tong minyak mentah gred Basrah Heavy di Pengerang, Johor memberi kelegaan sementara terhadap tekanan krisis tenaga akibat peperangan.



## LPG naik harga: Untung peniaga turun 20%

**KUALA LUMPUR:** Lebih 1.5 juta peniaga dan penjaja kecil di seluruh negara terpaksa mengurangkan margin keuntungan sehingga 20 peratus susulan peningkatan kos operasi, termasuk kenaikan harga diesel dan gas petroleum cecair (LPG).

Presiden Persatuan Peniaga dan Penjaja Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, situasi itu berpunca daripada kenaikan harga diesel dan gas petroleum cecair (LPG) yang memberi kesan langsung kepada kos pengangkutan, penyediaan makanan dan operasi harian.

Menurutnya, kebanyakan peniaga memilih untuk menyerap kenaikan kos tersebut tanpa menaikkan harga jualan demi mengekalkan pelanggan dalam keadaan persaingan yang semakin sengit.

"Kenaikan harga LPG pula dilihat menambah tekanan khususnya kepada peniaga makanan dan minuman ker-

ana ia merupakan keperluan utama dalam penyediaan hidangan namun mereka masih mengekalkan harga sedia ada bagi memastikan pelanggan terus membeli.

"Jika harga dinaikkan, pelanggan mungkin beralih kepada peniaga lain. Jadi ramai peniaga tiada pilihan selain mengurangkan keuntungan untuk terus bertahan," katanya.

Menurutnya, di Kuala Lumpur, dianggarkan lebih 27,000 peniaga kecil majoritinya menggunakan kenderaan pikap turut terkesan secara langsung akibat kenaikan harga diesel, sekali gus meningkatkan kos logistik harian mereka.

Sehubungan itu, mereka berharap kerajaan dapat mempertimbangkan pemberian subsidi diesel secara bersasar bagi meringankan beban.

"Mereka berharap dapat menerima subsidi diesel, kerana pada masa yang sama kami turut berdepan tekanan akibat ke-

naikan kos bahan mentah, pengangkutan dan sewaan tapak, sekali gus menjejaskan pendapatan harian.

"Peniaga turut memohon agar kadar sewaan kiosk dan premis perniagaan di negeri lain dapat diturunkan sehingga 50 peratus

"Ia langkah mengurangkan beban kos, selaras dengan pelaksanaan yang telah diperkenalkan di Kuala Lumpur. Hal ini juga boleh dilaksanakan di negeri-negeri lain," katanya.

*Mingguan Malaysia* semalam melaporkan, harga silinder gas petroleum cecair (LPG) komersial bersaiz 50 kilogram (kg) dilaporkan melonjak sehingga RM330 setong di pasaran ketika ini, sekali gus menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pengusaha makanan dan perniagaan kecil.

Tinjauan mendapati, harga LPG komersial turut menunjukkan peningkatan ketara apabila silinder 14kg dijual sekitar

RM84 hingga RM104, manakala silinder 50kg pula berada pada RM270 hingga RM330 setong bergantung kepada pembekal dan lokasi.

Bagaimanapun, harga LPG bersubsidi bagi kegunaan isi rumah kekal tidak berubah dengan kadar runcit RM26.60 bagi silinder 14kg, RM22.80 (12kg) dan RM19.00 (10kg).

Kenaikan harga itu dilaporkan hanya melibatkan kategori LPG komersial yang sebelum ini berada dalam lingkungan RM150 hingga RM190 setong.

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Dr. Fuziah Salleh berkata, kerajaan memberi jaminan harga LPG bersubsidi kekal dan tidak mengalami sebarang perubahan.

Harga gas LPG komersial tidak diletakkan harga kawalan tetapi akan dipantau harga untuk pastikan tiada pencatutan.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 20 APRIL 2026**

| TARIKH | TAJUK                                                                           | PAUTAN                                                                                                                                                                                                                                                                                    | MEDIA         |
|--------|---------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| 20-Apr | Wira tanpa lensa, Armizan puji dedikasi penguat kuasa KPDN                      | <a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/wira-tanpa-lensa-armizan-puji-dedikasi-penguat-kuasa-kpdn/">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/wira-tanpa-lensa-armizan-puji-dedikasi-penguat-kuasa-kpdn/</a> | RTM           |
| 20-Apr | Penguat kuasa KPDN hero rakyat tak didendang                                    | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/04/1346999/penguatkuasa-kpdn-hero">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/04/1346999/penguatkuasa-kpdn-hero</a>                                                                                                                         | HARIAN METRO  |
| 20-Apr | Penguat kuasa KPDN hero rakyat tak didendang                                    | <a href="https://www.malay.news/penguatkuasa-kpdn-hero-rakyat-tak-didendang/">https://www.malay.news/penguatkuasa-kpdn-hero-rakyat-tak-didendang/</a>                                                                                                                                     | MALAYNEWS     |
| 20-Apr | Penguat kuasa KPDN wira rakyat                                                  | <a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/04/1534785/penguat-kuasa-kpdn-wira">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/04/1534785/penguat-kuasa-kpdn-wira</a>                                                                                                       | BERITA HARIAN |
| 20-Apr | Penguat kuasa KPDN wira di sebalik tadbir pastikan kestabilan harga dan bekalan | <a href="https://www.utusanborneo.com.my/2026/04/17/penguat-kuasa-kpdn-wira-disebalik-tadbir-pastikan-kestabilan-harga-bekalan-barangan">https://www.utusanborneo.com.my/2026/04/17/penguat-kuasa-kpdn-wira-disebalik-tadbir-pastikan-kestabilan-harga-bekalan-barangan</a>               | UTUSAN BORNEO |
| 20-Apr | Penguat kuasa KPDN dipuji atas dedikasi tugas                                   | <a href="https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2545953">https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2545953</a>                                                                                                                                                                   | BERNAMA       |
| 20-Apr | KPDN pantau kenaikan harga gas LPG komersial 50kg cecah RM190                   | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/04/1346943/kpdn-pantau-kenaikan-harga-gas-lpg-komersial-50kg-cecah-rm190">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/04/1346943/kpdn-pantau-kenaikan-harga-gas-lpg-komersial-50kg-cecah-rm190</a>                                           | HARIAN METRO  |
| 20-Apr | KPDN pantau kenaikan harga gas LPG komersial 50kg cecah RM190                   | <a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1346943/kpdn-pantau-kenaikan-harga-gas-lpg-komersial-50kg-cecah-rm190">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1346943/kpdn-pantau-kenaikan-harga-gas-lpg-komersial-50kg-cecah-rm190</a>                                   | HARIAN METRO  |



|        |                                                                              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |               |
|--------|------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| 20-Apr | KPDN pantau kenaikan harga LPG komersial 50kg                                | <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-pantau-kenaikan-harga-gas-lpg-komersial-50kg-cecah-rm190/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-pantau-kenaikan-harga-gas-lpg-komersial-50kg-cecah-rm190/</a>                                                                                               | TV3           |
| 20-Apr | KPDN beri jaminan harga LPG bersubsidi kekal                                 | <a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1346957/kpdn-beri-jaminan-harga-lpg-bersubsidi-kegunaan-isi-rumah-">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1346957/kpdn-beri-jaminan-harga-lpg-bersubsidi-kegunaan-isi-rumah-</a>                                                               | HARIAN METRO  |
| 20-Apr | KPDN pantau kenaikan harga gas LPG komersial 50kg                            | <a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1346943/kpdn-pantau-kenaikan-harga-gas-lpg-komersial-50kg-cecah-rm190">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1346943/kpdn-pantau-kenaikan-harga-gas-lpg-komersial-50kg-cecah-rm190</a>                                                         | HARIAN METRO  |
| 20-Apr | Seludup petrol dan gula guna pump boat, lelaki dicekup                       | <a href="https://sabahnewstoday.net/seludup-petrol-gula-guna-pumpboat-lelaki-dicekup/">https://sabahnewstoday.net/seludup-petrol-gula-guna-pumpboat-lelaki-dicekup/</a>                                                                                                                                         | SABAH NEWS    |
| 20-Apr | Marine cops foil smuggling bid, seize 1,400 litres petrol                    | <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/04/17/marine-cops-foil-smuggling-bid-in-kudat-seize-subsidised-goods-including-1400-litres-of-petrol">https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/04/17/marine-cops-foil-smuggling-bid-in-kudat-seize-subsidised-goods-including-1400-litres-of-petrol</a> | THE STAR      |
| 20-Apr | KPDN tahan dua lelaki disyaki jual dan kumpul diesel bersubsidi secara haram | <a href="https://www.abangkereta.my/kpdn-tahan-dua-lelaki-di-kota-kinabalu-kerana-disyaki-jual-dan-kumpul-diesel-bersubsidi-secara-haram/">https://www.abangkereta.my/kpdn-tahan-dua-lelaki-di-kota-kinabalu-kerana-disyaki-jual-dan-kumpul-diesel-bersubsidi-secara-haram/</a>                                 | ABANGKERETA   |
| 20-Apr | Eyes on 12 petrol stations                                                   | <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/04/17/eyes-on-12-petrol-stations">https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/04/17/eyes-on-12-petrol-stations</a>                                                                                                                                         | THE STAR      |
| 20-Apr | Stesen minyak dipantau pihak berkuasa                                        | <a href="https://news.seehua.com/post/1469337">https://news.seehua.com/post/1469337</a>                                                                                                                                                                                                                         | SEE HUA       |
| 20-Apr | Pilih kasih jual diesel, KPDN gempur stesen minyak Juru                      | <a href="https://www.motoqar.com/2026/134829/pilih-kasih-jual-diesel-kpdn-gempur-stesen-minyak-juru.html">https://www.motoqar.com/2026/134829/pilih-kasih-jual-diesel-kpdn-gempur-stesen-minyak-juru.html</a>                                                                                                   | MOTOQAR       |
| 20-Apr | MYIPO lindungi aset bernilai tinggi pacu prestasi negara                     | <a href="https://stadiumastro.com/sukan/myipo-lindungi-aset-bernilai-tinggi-pacu-prestasi-negara-ibb">https://stadiumastro.com/sukan/myipo-lindungi-aset-bernilai-tinggi-pacu-prestasi-negara-ibb</a>                                                                                                           | STADIUM ASTRO |